



2,095 graduan terima ijazah dan diploma dalam Majlis Konvokesyen Ke-8

Seramai 2,095 orang graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-8 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Universiti, UMP Kampus Gambang pada 5 dan 6 Oktober 2013 yang lalu.

Majlis konvokesyen yang berlangsung dengan tiga sesi ini melibatkan seramai 20 orang graduan doktor falsafah (PhD), 63 orang graduan sarjana, 1,483 orang graduan sarjana muda dan 529 orang graduan diploma membabitkan lapan fakulti dan tiga pusat pengajian.

Daripada jumlah ini, seramai 83 orang melibatkan graduan dari Institut Pengajian Siswazah, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) (119), Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) (106), Fakulti Teknologi (FTek) (139) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) (203) yang berlangsung pada sesi pertama.

Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibrni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bercemar duli mengurniakan Ijazah kepada graduan pada sesi pertama konvokesyen.

Canselor bertitah, kasih sayang serta pengorbanan yang dicurahkan anggota keluarga terutama ibu bapa dalam membantu graduan sehingga berjaya perlu dibalas dengan penghargaan yang setimpal.

"Graduan perlu lebih bertanggungjawab,

memiliki jati diri yang kental dan menjadi anak yang bertanggungjawab kepada keluarga dan masyarakat selepas tamat pengajian.

"Tanpa kasih sayang ibu bapa, graduan mungkin tidak dapat mengikuti pengajian sehingga ke menara gading, seterusnya memiliki karier yang bersesuaian dengan kelayakan dimiliki," titah baginda.

Bagi sesi kedua pula melibatkan graduan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) (210), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) (236), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) (209) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) (261) yang disampaikan Pro-Canselor UMP, Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd. Khamil Jamil.

Manakala pada sesi ketiga melibatkan graduan Diploma seramai 529 termasuk 371 orang graduan dari Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) yang menerima Diploma daripada Naib Canselor UMP.

Konvokesyen kali ini lebih bermakna, apabila UMP menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Kimia kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin bagi mengiktiraf sumbangan beliau terhadap pembangunan ekonomi Bumiputera, pendidikan dan industri petroleum.

Pengurniaan ini juga sebagai menghargai dedikasi dan khidmat cemerlang beliau sebagai Rektor pertama Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) yang kini dikenali sebagai UMP. Beliau telah

menyediakan asas dan landasan yang kukuh terhadap universiti ini bagi bergerak maju ke hadapan dalam memacu pengajian tinggi negara.

Majlis Konvokesyen kali ini juga menyaksikan seramai 13 orang graduan menerima anugerah dan hadiah akademik. Nurul Fatimah Abdul Basir (FKKSA) dan Hee Chien Yee (FTek) menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Rabeah Adawiyah Abdul Razak (FSTI) dianugerahkan Anugerah Canselor, Anugerah Emas Universiti dinobatkan kepada Lau Weng Keong (FKKSA) dan Sharmila A/P Sewajje manakala Anugerah Yayasan Pahang dianugerahkan kepada Syazana Sahrom (FSKPP).

Bagi hadiah akademik penerima Hadiah Industri Kecemerlangan HeiTech dianugerahkan kepada pelajar orang kelainan upaya (OKU), iaitu Siti Hawa Apandi. Hadiah Kecemerlangan Ir. Kee Book Hee diterima Wong Chee Wei (FKASA) dan Hadiah Kecemerlangan Sapura Industrial Berhad diterima pelajar FKM, Goh Boon Chaw.

Selain itu, Hadiah Srikandi Matahari diterima graduan FSPPP, Nagor Nisah Raja Mohammad, Hadiah Industri Telekom Malaysia Berhad diterima graduan FKKE, Jordan Tay Kok Yi dan penerima Hadiah Kecemerlangan Perodua adalah Phoon Sin Ye graduan FKP.

UMP turut mencatat sejarah apabila seramai 18 orang graduan antarabangsa yang mengikuti pengajian prasiswazah turut sama bergraduasi pada konvokesyen kali ini.